Hari Kokurikulum UMP beri penghargaan kepada pelajar

Oleh: FERDAUS MUSA

Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan Hari Kokurikulum UMP 2013 yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan UMP, Kampus Gambang bermula pada 13 hingga 15 September yang lalu.

Program yang dianjurkan oleh Pusat Kokurikulum UMP ini bukan sahaja menampilkan pebagai aktiviti menarik sepanjang program berlangsung, malahan ia turut memberi pengiktirafan kepada lapan orang pelajar UMP yang telah dinobatkan untuk menerima Hadiah Sanjungan bersempena dengan program ini.

Lapan teras utama yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terdiri daripada Keusahawanan, Kepimpinan, Pengucapan Awam, Daya Usaha & Inovasi, Kesukarelawan, Khidmat Komuniti, Sukan & Rekreasi dan kebudayaan telah menjadi kayu pengukur dalam pemilihan penerima Hadiah Sanjungan pada kali ini.

Penerima Hadiah Sanjungan Keusahawan telah diberikan kepada Azwan Affandi Md Jahaya dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) yang aktif dalam aktiviti keusahawanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau memiliki kedai komputer (Azwan Dot Com) di Kolej Kediaman 1 dan beberapa cawangan termasuk di UMP Pekan dan beberapa Kolej Komuniti.

Manakala penerima Hadiah Sanjungan Kesukarelawan pula dimenangi oleh Abdul Hakeem Abdul Hamed dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE). Manakala dua pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) iaitu Nurainatul Fatimah Burhanuddin pula telah menerima Hadiah Sanjungan Kebudayaan dan Muhammad Farhan Adnan telah dinobatkan menerima Hadiah Sanjungan Kepimpinan.

Bagi Hadiah Sanjungan Pengucapan Awam pula telah dimenangi oleh pelajar dari Fakulti Sains & Teknologi Indsutri, Muhammad Qusyairi Hashim yang turut aktif melibatkan diri dalam aktiviti berdebat. Selain itu juga, pemenang pingat emas Karate-Do di India pada tahun 2012, Maniyarasan A/L Sabapathy dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) pula telah menerima Hadiah Sanjungan Sukan & Rekreasi.

Antara penerima lain yang turut menerima Hadiah Sanjungan Khimat Komuniti ialah Mohd Jamil Ja'far dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Muhammad Iqram Zulkifli dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) turut menerima Hadiah Sanjungan Daya Usaha & Inovasi.

Program yang berlangsung selama tiga hari itu turut memberi penganugerahan khas kepada Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dari Kelab In-Smartive menerusi Anugerah Penasihat Terbaik.

Manakala Anugerah Kelab Terbaik dimenangi oleh Kelab In-Smartive, Anugerah Sanjungan Pengarah Kokurikulum dimenangi oleh Kelab ORATOR dan Anugerah Khas Timbalan Naib Canselor HEPA telah menobatkan Myrza Fasha Md Hamyruddin dari FKEE sebagai penerimanya atas kejayaan beliau menawan Gunung Everest. Kesemua penilaian penganugerahan ini telah dibuat sepanjang tahun 2012 dalam menitikberatkan aspek penglibatan dan sumbangan para pemenang.

Kesemua penerima anugerah telah membawa pulang wang tunai berjumlah RM300 berserta sijil penghargaan yang telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.